



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN, MALAYSIA

MAC 2024

Indeks Pengeluaran Perindustrian meningkat 2.4 peratus pada Mac 2024, didorong oleh pengembangan dalam kesemua sektor

PUTRAJAYA, 10 MEI 2024 – Indeks Pengeluaran Perindustrian meningkat 2.4 peratus tahun ke tahun pada Mac 2024, didorong oleh pengembangan dalam kesemua sektor. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Malaysia, Mac 2024** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor iaitu Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "IPP kekal positif walaupun pada kadar yang lebih perlahan iaitu sebanyak 2.4 peratus pada Mac 2024 berbanding 3.1 peratus pada bulan sebelumnya. Peningkatan tersebut diterajui pengembangan dalam sektor Pembuatan yang meningkat sebanyak 1.3 peratus, lebih baik daripada 1.2 peratus pada Februari 2024. Pada masa sama, sektor Perlombongan dan Elektrik masing-masing mencatatkan 4.9 peratus (Februari 2024: 8.1%) dan 7.8 peratus (Februari 2024: 10.9%). Perbandingan dengan bulan sebelumnya, IPP kembali meningkat kepada 7.5 peratus berbanding negatif 6.3 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya."

Ketua Perangkawan mengulas lanjut, "Pada Mac 2024, industri berorientasikan eksport memulih kepada 0.5 peratus berbanding negatif 0.2 peratus pada Februari 2024. Peningkatan tersebut terutamanya disokong oleh Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal; dan Pembuatan kok & produk petroleum bertapis yang mencatatkan peningkatan masing-masing sebanyak 2.0 peratus dan 1.9 peratus. Selain itu, Pembuatan perabot merekodkan peningkatan ketara sebanyak 12.6 peratus pada bulan berkenaan. Tambahan lagi, pertumbuhan industri berorientasikan eksport menggambarkan prestasi bagi eksport barangan perkilangan negara, yang memperoleh semula momentum pada Mac 2024. Perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport berkembang 11.0 peratus berbanding negatif 5.8 peratus pada Februari 2024.

Sementara itu, industri berorientasikan domestik meningkat sederhana sebanyak 3.1 peratus berbanding 4.1 peratus pada Februari 2024. Peningkatan dalam industri

berorientasikan domestik dipacu terutamanya oleh Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin & kelengkapan yang mencatatkan prestasi memberangsangkan 11.1 peratus; Pembuatan produk galian bukan logam lain sebanyak 7.6 peratus; dan Pembuatan produk prosesan makanan sebanyak 4.2 peratus. Berbanding dengan bulan sebelumnya, industri berorientasikan domestik pulih kepada 1.9 peratus daripada negatif 7.2 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah, “Pertumbuhan output dalam sektor Perlombongan perlahan kepada 4.9 peratus pada Mac 2024 (Februari 2024: 8.1%) kesan daripada peningkatan sederhana dalam pengeluaran Gas Asli pada 8.9 peratus (Februari 2024: 11.9%). Selain itu, output Minyak Mentah & Kondensat menurun 0.7 peratus (Februari 2024: 2.5%). Berbanding Februari 2024, indeks Perlombongan meningkat 5.3 peratus selepas mengalami pertumbuhan negatif 6.9 peratus pada bulan sebelumnya.”

Pengeluaran Elektrik berkembang 7.8 peratus pada Mac 2024 selepas mencatatkan peningkatan 10.9 peratus pada bulan sebelumnya. Perbandingan dengan bulan sebelumnya, indeks Elektrik melonjak 10.4 peratus berbanding negatif 4.5 peratus yang direkodkan pada Februari 2024.

Melihat kepada prestasi beberapa negara lain, IPP bagi China dan Korea Selatan meningkat sederhana manakala Vietnam dan Taiwan kembali kepada jajaran positif pada Mac 2024. Sebaliknya, Singapura mengalami kemerosotan, manakala Amerika Syarikat, Jepun dan Thailand terus mengalami penurunan.


Merumuskan kenyataannya mengenai prestasi IPP bagi suku pertama 2024, Ketua Perangkawan berkata, “IPP terus meningkat 3.3 peratus tahun ke tahun berbanding 0.8 peratus yang direkodkan pada suku keempat 2023. Pengembangan ini disokong oleh kenaikan yang dicatatkan dalam sektor Perlombongan sebanyak 5.9 peratus (ST4 2023: 3.7%) dan sektor Elektrik 8.9 peratus (ST4 2023: 4.6%). Sementara itu, sektor Pembuatan kembali meningkat kepada 2.1 peratus daripada negatif 0.2 peratus yang dicatatkan pada suku tahun sebelumnya. Bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, IPP jatuh 1.0 peratus dipengaruhi oleh sektor Pembuatan pada negatif 1.8 peratus.”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


**Carta 1: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Malaysia,
Mac 2023 - Mac 2024**



**Carta 2: Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Komponennya, Malaysia
Mac 2023 - Mac 2024**




**Carta 3: Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Komponennya, Malaysia
ST1 2023 – ST1 2024**




**Carta 4: Pertumbuhan Indeks Pembuatan Mengikut Subsektor, Malaysia
Februari 2024 dan Mac 2024**




Carta 5: Indeks Pembuatan Mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Malaysia, Mac 2023 - Mac 2024



Carta 6: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Malaysia, Februari 2024 dan Mac 2024



Carta 7: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Malaysia, Februari 2024 dan Mac 2024



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
10 MEI 2024



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
INDEX OF INDUSTRIAL PRODUCTION MALAYSIA
MARCH 2024

***The Industrial Production Index increased by 2.4 per cent in March 2024,
spurred by the expansion in all sectors***

PUTRAJAYA, 10 MAY 2024 - The Industrial Production Index increased by 2.4 per cent year-on-year in March 2024, spurred by the expansion in all sectors. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today in the release of the **Industrial Production Index (IPI), Malaysia, March 2024**. This publication presents IPI statistics, consisting of three sectors namely Mining, Manufacturing and Electricity.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The IPI remained positive albeit at a slower rate of 2.4 per cent in March 2024 as compared to 3.1 per cent in the preceding month. The increase was spearheaded by the expansion in the Manufacturing sector which grew by 1.3 per cent, up from 1.2 per cent in February 2024. In the meantime, the Mining and Electricity sectors registered 4.9 per cent (February 2024: 8.1%) and 7.8 per cent (February 2024: 10.9%) respectively. In comparison with the preceding month, the IPI turned around to 7.5 per cent, contrasting with the negative 6.3 per cent recorded in the previous month."

The Chief Statistician further commented, "In March 2024, the export-oriented industries rebounded to 0.5 per cent from negative 0.2 per cent in February 2024. This upturn was primarily led by the Manufacture of computer, electronics & optical products; and the Manufacture of coke & refined petroleum products which registered increases of 2.0 per cent and 1.9 per cent respectively. Furthermore, the Manufacture of furniture experienced a notable surge of 12.6 per cent during the month. Additionally, the export-oriented industries' growth reflects the performance of the country's manufactured goods exports, which regained momentum in March 2024. In a month-on-month comparison, the export-oriented industries augmented by 11.0 per cent as against the negative 5.8 per cent in February 2024.

Meanwhile, the domestic-oriented industries grew modestly by 3.1 per cent as against 4.1 per cent in February 2024. The increase in domestic-oriented industries was largely attributed to the Manufacture of fabricated metal products, except machinery

& equipment, which registered a vigorous performance of 11.1 per cent; Manufacture of other non-metallic mineral products by 7.6 per cent; and the Manufacture of food processing products by 4.2 per cent. In comparison with the preceding month, the domestic-oriented industries rebounded to 1.9 per cent from negative 7.2 per cent recorded in the previous month.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also added, “The growth of output in the Mining sector slowed down to 4.9 per cent in March 2024 (February 2024: 8.1%) as a consequence of a modest increase in Natural Gas production at 8.9 per cent (February 2024: 11.9%). Moreover, the Crude Oil & Condensate output declined by 0.7 per cent (February 2024: 2.5%). As compared to February 2024, the Mining index grew by 5.3 per cent after experiencing a negative growth of 6.9 per cent in the preceding month.”

The Electricity output expanded by 7.8 per cent in March 2024 after registering an increase of 10.9 per cent in the preceding month. In comparison to the previous month, the Electricity index surged by 10.4 per cent, as compared to the negative 4.5 per cent recorded in February 2024.

Looking at the performance of several countries, the IPI for China and South Korea rose modestly while Vietnam and Taiwan returned to positive territories in March 2024. Conversely, Singapore experienced a downturn, whereas the United States, Japan and Thailand continued to decline.


Concluding his statement on the IPI performance for the first quarter of 2024, the Chief Statistician said, “The IPI advanced further by 3.3 per cent year-on-year as compared to 0.8 per cent recorded in the fourth quarter of 2023. The expansion was supported by the acceleration registered in the Mining sector by 5.9 per cent (Q4 2023: 3.7%) and the Electricity sector by 8.9 per cent (Q4 2023: 4.6%). Meanwhile, the Manufacturing sector turned upward to 2.1 per cent from the negative 0.2 per cent posted in the previous quarter. In a quarter-on-quarter comparison, the IPI dropped by 1.0 per cent influenced by the Manufacturing sector at negative 1.8 per cent.”

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.


**Chart 1: Industrial Production Index, Malaysia,
March 2023 – March 2024**



**Chart 2: Industrial Production Index and Its Components, Malaysia
March 2023 – March 2024**



**Chart 3: Industrial Production Index and Its Components, Malaysia
Q1 2023 – Q1 2024**



**Chart 4: Manufacturing Index Growth by Subsector, Malaysia,
February 2024 and March 2024**




Chart 5: Manufacturing Index by Export and Domestic Oriented Industries, Malaysia, March 2023 – March 2024






Chart 6: Manufacturing Export-Oriented by Group, Malaysia, February 2024 and March 2024



**Chart 7: Manufacturing Domestic-Oriented by Group, Malaysia,
February 2024 and March 2024**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
10 MAY 2024**